

Tarif baharu air bantu suntik modal, tingkat kualiti perkhidmatan

- Kenaikan tarif air dianggap rendah, tidak dapat menampung kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan

- Terdapat beberapa negeri tidak pernah menyemak semula tarif air untuk tempoh sangat panjang

- Tarif air wajar diselaraskan di semua negeri bagi wujudkan 'keadilan' kepada sektor bukan domestik

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Akta Industri Perkhidmatan Air Negara, 2006 (Akta 655), memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan berhubung sistem dan perkhidmatan bekalan air bagi semua negeri di seluruh Semenanjung, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Kuasa eksekutif itu, termasuk menentukan kadar tarif air domestik dan bukan domestik. Air domestik adalah penggunaan air oleh isi rumah untuk menjalankan aktiviti harian seperti masakan, mencuci pakaian dan menyiram tanaman.

Air bukan domestik pula merujuk kepada air diguna untuk tujuan komersial, perindustrian, penggunaan awam, pertanian dan penternakan.

Dalam pada itu, kerajaan menampung subsidi berjumlah RM5.8 bilion untuk sektor tenaga elektrik dan air merangkumi pengguna domestik serta komersial. Sektor bukan domestik turut menerima jumlah subsidi besar berkaitan tenaga dan air.

Berkuat kuasa hari ini, pelaksanaan pelarasan tarif bekalan air bagi kategori bukan domestik serta kategori khas bakal membabitkan kenaikan purata sebanyak 25 sen bagi setiap meter padu di Semenanjung dan Labuan.

Kenaikan ini dianggap rendah dan masih tidak dapat menampung kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air sebanyak RM1.68 bagi setiap meter padu.

Kenaikan tarif air harus difahami dalam ruang lingkup lebih menyeluruh. Semua pihak sentiasa menginginkan tarif air rendah, tetapi pada masa sama menuntut tahap perkhidmatan terbaik sedangkan kadar tarif air pada masa ini tidak signifikan bagi operator air menampung kos rawatan dan agihan air.

Kos operasi operator air meningkat

Kos operasi bagi menyediakan perkhidmatan pembekalan air meningkat dengan ketara terutama kos elektrik, bahan kimia dan penyenggaraan. Ia memberi impak kepada kos operasi operator air.

Operator air bertanggungjawab melakukan rawatan dan agihan air, justeru memerlukan dana bagi membiayai perbelanjaan modal (CAPEX) untuk pembangunan infrastruktur sistem bekalan air supaya tidak terus menanggung kerugian.

Dengan adanya pelarasan tarif ini, operator air akan memperoleh sumber kewangan kukuh bagi membolehkan mereka melaksanakan pembangunan infrastruktur sistem bekalan air dengan lebih terancang.

Sumber kewangan yang kukuh dapat membantu operator air menangani cabaran dihadapi bagi menjamin bekalan air terawat mencukupi dan memenuhi keperluan.

Impaknya, dalam jangka panjang pengguna bukan domestik dapat menikmati bekalan air

berterusan serta mengurangkan risiko gangguan bekalan air yang selama ini 'menggangu gugat' operasi mereka.

Jelas, terdapat hubung kait rapat antara tarif dengan keupayaan syarikat air untuk membekalkan perkhidmatan kepada pengguna bukan domestik selari dengan kenaikan kos operasi dan kadar inflasi semasa.

Boleh dikatakan sebahagian masyarakat tidak tahu kadar tarif air sedia ada tidak dapat menampung kos operator air yang mengalami peningkatan dalam kos CAPEX dan operasi perbekalan perkhidmatan bekalan air.

Hakikatnya, operator air perlu terus melabur dalam pembangunan, menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur bekalan air untuk memastikan bekalan air terawat terjamin dan berkekalan.

Malaysia adalah antara negara mempunyai tarif air paling rendah di dunia. Kenaikan purata 25 sen bagi setiap meter padu (m3) air adalah satu jumlah berpatutan bagi operator air untuk membekalkan air terawat bersih dan selamat kepada pengguna komersial secara berterusan.

Melalui kenaikan kadar baharu nanti, operator air boleh memperoleh 'suntikan' modal bagi menjalankan kerja memperbaiki, menukar serta menaik taraf sistem paip uzur, seterusnya mengagihkan bekalan air terawat kepada pengguna dengan lebih cekap.

Kurangkan kadar air tidak terhasil

Menerusi kenaikan ini juga, kerajaan akan mempunyai keupayaan kewangan lebih kukuh untuk berbelanja bagi kemudahan perkhidmatannya, termasuk mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW), yang mana kerajaan memberi fokus untuk mengurangkan kepada 30 peratus.

Ternyata, hampir satu pertiga air yang sepatutnya sampai kepada pengguna 'hilang' begitu sahaja. Maka, pelaksanaan kenaikan kadar tarif air dapat membantu mengurangkan kadar NRW yang menjadi sebab kerugian operasi apabila air terawat tidak sampai kepada pengguna bukan domestik.

Masalah ini berpunca daripada beberapa faktor antaranya, paip air perlu ditukar setiap 40 tahun dan ia membabitkan perbelanjaan tinggi sehingga mencecah berbilion ringgit.

Maka apabila syarikat air berdepan masalah



kewangan dan berlaku kebocoran paip, kerja membaik pulih akan mengambil masa lama. Namun, kos kerugian akibat kehilangan air ini sedikit sebanyak wajar ditanggung pengguna komersial yang sekian lama mengaut keuntungan hasil tarif air rendah.

Sebaliknya, pengendali atau pembekal air terawat pula dalam kerugian sekiranya kos kehilangan ini tidak diserap.

Sekiranya masalah gangguan air disebabkan sistem paip pecah atau rosak, maka ia berbalik kepada tujuan kenaikan kadar tarif air ini dilaksanakan antaranya bagi menaik taraf sistem saluran paip yang sudah lama dan memerlukan penyelenggaraan.

Ketika ini terdapat beberapa negeri yang kadar tarif air tidak pernah disemak untuk tempoh sangat panjang seperti Pahang selama 39 tahun dan Perlis 26 tahun.

Dalam hal ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) pada Mei 2021 menyatakan, kenaikan tarif air kepada pengguna komersial dicadangkan untuk dinaikkan antara RM3 dan RM18.80, selain kenaikan maksimum RM69.19 bagi yang menggunakan lebih 100 meter padu air setiap bulan. Justeru, kenaikan tarif ini wajar.

Namun, masalah dihadapi ketika ini ialah seluruh dunia masih berdepan dengan krisis ekonomi akibat penularan COVID-19 yang mana sektor perniagaan dan ekonomi turut terkesan.

Kenaikan tarif air beri kesan domino

Kekhuatiran timbul di sini kemungkinan kenaikan tarif air memberi kesan domino yang bakal menyaksikan kenaikan kos berkaitan seperti pengangkutan, makanan dan sebagainya yang akhirnya menambah 'kesengsaraan' rakyat.

Persoalan lain pula, adakah kenaikan tarif air ini dapat memastikan tidak berlaku lagi krisis bekalan air yang kerap, terutama di Lembah Klang sehingga menjejaskan operasi sektor komersial dan industri.

Seharusnya kenaikan kadar tarif itu perlu selari dengan peningkatan kualiti perkhidmatan bekalan air secara keseluruhan. Natijahnya, banyak isu dan persoalan memerlukan pertimbangan mendalam sebelum tarif air dinaikkan kepada pengguna bukan domestik supaya wujud situasi 'menang-menang' kepada semua pihak.

Persoalan lain yang timbul, mengapa kerajaan masih kekal memberi subsidi kepada sektor tenaga dan sektor pengguna bukan domestik yang mana surcaj sedia ada kekal, tetapi sebaliknya dalam isu tarif air, seolah-olah wujud tidak adil dalam isu ini.

Satu lagi cabaran yang timbul adalah kadar tarif air berbeza di setiap negeri. Tarif air mungkin wajar diselaraskan untuk semua negeri supaya mewujudkan 'keadilan' kepada sektor bukan domestik.

Isunya, kos penyelenggaraan infrastruktur dan operasi bagi setiap negeri adalah berbeza, justeru tarif air bergantung kepada operator air di setiap negeri, namun banyak kerajaan negeri seolah-olah mengambil jalan selamat dengan menganggap tarif air sebagai isu politik menyebabkan mereka 'tidak berani' menaikkan tarif ini, walaupun operator air kerugian



Ketua Laboratori Belia Dalam Kepimpinan, Politik dan Kewarganegaraan, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)